

Tawar pelaburan tidak wujud, lelaki mengaku tidak bersalah

 berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/49760-tawar-pelaburan-tidak-wujud-lelaki-mengaku-tidak-bersalah

Media Baharu

(Tertuduh, Shawn Lee Kim Boon ketika tiba di Kompleks Mahkamah Seremban)

SEREMBAN, 28 Oktober- Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret Seremban hari ini atas pertuduhan menipu menawarkan pelaburan tidak wujud tahun lalu.

Tertuduh, Shawn Lee Kim Boon, 33 tahun bagaimanapun, mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret, Norzaliza Tesmin selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama-sama terlibat dengan satu pakat jahat jenayah dengan bersetuju antara satu sama lain untuk melakukan perbuatan menyalahi undang-undang iaitu menipu dengan memperdaya melalui aplikasi WhatsApp.

Tertuduh telah menyatakan bahawa skim pelaburan 'Vanguard Investment' merupakan satu skim pelaburan yang wujud yang telah mendorong mangsa memasukkan wang pelaburan dalam skim berkenaan yang bertentangan dengan Seksyen 415 Kanun Keseksaan.

Perbuatan itu dilakukan pada 13 November 2021 kira-kira pukul 10.00 malam di sebuah kondominium di Nilai.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 120(B) Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak lebih enam bulan atau dengan denda atau kedua-duanya.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Muhaimin Mohd Azman dan mahkamah menetapkan 11 November depan sebagai sebutan semula kes.